



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **13 ANUGERAH WILAYAH PERSEKUTUAN 2017 KEPADA STAKEHOLDER KWP DAN AGENSI**

**PUTRAJAYA, 28 Februari 2018** – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan menyampaikan 13 anugerah Wilayah Persekutuan pelbagai kategori kepada rakan-rakan strategik dan *stakeholder* Kementerian Wilayah Persekutuan. Anugerah yang disampaikan adalah Anugerah Projek Pembangunan Semula Bandar Terbaik, Projek RUMAWIP Terbaik, Pemaju RUMAWIP Terbaik, Rakan Dagang Kad Ceria Terbaik, Rakan Pembekal Produk Biodegradasi Terbaik, Media Elektronik Terbaik (Majalah dan Dokumentari), Media Cetak Terbaik (Penulisan Rencana), Pelaksanaan Projek Pembangunan Terbaik, Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Terbaik, Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Terbaik, Rakan Strategik OPS BAH Terbaik, NGO (Gelandangan) Terbaik dan NGO (Kemudahan Awam) Terbaik.

Selain dari menghargai jasa dan sumbangan cemerlang *stakeholder*, Majlis Apresiasi Wilayah Persekutuan ini dapat memantapkan dan mengeratkan lagi hubungan pihak Kerajaan dengan *stakeholder* supaya perkhidmatan yang terbaik dapat dilaksanakan untuk rakyat khususnya warga Wilayah Persekutuan. Pelbagai inisiatif *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) dilaksanakan secara bersama dengan para *stakeholder* terutamanya program-program berbentuk tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan *community e vent* bagi rakyat setempat.

Diharapkan melalui penganjuran Malam Apresiasi Wilayah Persekutuan ini dapat menjadi pendorong kepada *stakeholder* yang lain untuk terus meningkatkan lagi prestasi dan mutu kerja yang cemerlang untuk memastikan Wilayah Persekutuan terus maju dan sejahtera. Kerjasama dan hubungan erat di antara KWP dan *stakeholder* ini membolehkan perkhidmatan yang terbaik diberikan kepada rakyat khususnya warga Wilayah Persekutuan.

**Disediakan Oleh:**

**Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
28 Februari 2018**